

SULIT

SW3613



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER PERTAMA SESI 2002/2003**

KOD/NAMA KURSUS : SW3613 UNDANG-UNDANG DAN PERKHIDMATAN KERJA SOSIAL

TARIKH : 26 SEPTEMBER 2002 (KHAMIS)

MASA : 2.30 – 4.30 PETANG (2 JAM)

TEMPAT : DEWAN MU'ADZAM SHAH

ARAHAN :

1. Kertas soalan ini mengandungi **SEMBILAN (9)** soalan dalam **TUJUH (7)** halaman bercetak.
2. Anda dikehendaki menjawab **SEMUA** soalan di **BAHAGIAN A** dan **DUA (2)** soalan sahaja di **BAHAGIAN B**.
3. Semua jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan. **Setiap jawapan harus disokong dengan peruntukan akta yang berkenaan dan 'case law' (jika ada).**
4. Calon dilarang membawa keluar kertas peperiksaan dari Dewan Peperiksaan.

NO. MATRIK : _____

(dengan perkataan)

--	--	--	--	--

(dengan angka)

NO. KAD PENGENALAN : _____

NAMA PENSYARAH : CIK FATIMAH ZAILLY AHMAD RAMLI

KUMPULAN :

NOMBOR MEJA : _____

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI
SEHINGGA DIBERI ARAHAN**

SULIT

Bahagian A: 50 Markah

Jawab semua soalan berikut. Setiap jawapan harus disokong dengan peruntukan akta yang berkenaan dan 'case law' (jika ada).

1. Apakah yang dimaksudkan dengan 'Jenayah dalam Keluarga' dan nyatakan dua (2) contoh jenayah dalam keluarga.

(3 Markah)

Nyatakan dua (2) faktor yang menjadi penyebab kepada berlakunya Jenayah dalam Keluarga.

- i. _____

- ii. _____

(2 Markah)

2. Akta Keganasan Rumahtangga (1994) mempunyai peruntukan untuk melindungi dan menjaga kepentingan individu yang terlibat dalam masalah penganiyaan dalam rumahtangga. Walau bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan ketara dalam akta ini. Nyatakan lima kelemahan-kelemahan yang wujud itu.

- a. _____

- b. _____

- c. _____

- d. _____

- e. _____

(5 Markah)

3. Nyata dan jelaskan jenis-jenis pekerjaan yang melarang wanita melakukannya di bawah Akta Pekerjaan 1955 (Pindaan 1998).

- a. _____

- b. _____

- c. _____

(6 Markah)

4a. Apakah yang dimaksudkan 'Terma Kontrak Perkhidmatan Yang Tersirat'

(2 Markah)

4b. Nyatakan Terma Tersirat bagi pihak majikan

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____
- (v) _____

(5 Markah)

4c. Nyatakan terma tersirat bagi pihak pekerja

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____
- (v) _____

(5 Markah)

4. Apakah implikasi undang-undang bagi setiap senario yang berikut dan sokong jawapan anda dengan peruntukan-peruntukan akta:

- i. B menuntut cuti berbayar daripada majikannya disebabkan cuti Hari Buruh telah jatuh pada hari dia cuti tanpa gaji.
(3 Markah)

- ii. U hanya memaklumkan kepada majikannya bahawa dia sedang cuti sakit 3 hari selepas itu. **(3 Markah)**

- iii. R telah diterima bekerja dengan ABH Holdings dan telah diarahkan bekerja selama 12 jam berturut-turut dalam sehari. **(3 Markah)**

- iv. Syarikat Sayang Abg telah memotong gaji pekerja N bagi bulan ini sebanyak RM10.00 atas alasan semua pekerja diwajibkan menderma kepada Tabung Bola Sepak Negara. **(3 Markah)**

5. Nyatakan Akta-akta undang-undang pekerjaan yang utama dan apakah tujuan bagi setiap akta tersebut. **(10 markah)**

a. _____

b. _____

c. _____

d. _____

e. _____

Bahagian B: 50 Markah

Pilih dua (2) soalan sahaja daripada tiga soalan yang diperuntukkan.

1. Apakah perbezaan antara Skim Pencen dan Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Sejauhmanakah kedua-dua skim ini memberi hak dan perlindungan kepada pekerja? **(25 Markah)**

2. Seksyen 14(1) Akta Kerja 1955 mewajibkan *suatu siasatan yang wajar* diadakan oleh majikan sebelum seseorang pekerja boleh dipecat atas suatu alasan salah laku. Bincangkan perkara-perkara berikut:
 - i. Apakah yang dimaksudkan dengan suatu siasatan yang wajar?
 - ii. Apakah prinsip-prinsip undang-undang yang perlu dipenuhi untuk menjadikan suatu siasatan yang wajar itu sah?
 - iii. Apakah kesannya jika siasatan tersebut tidak dilakukan sebelum pemecatan itu dibuat?**(25 Markah)**

3. (a) Azrul berumur 16 tahun, adalah anak tunggal kepada Datuk Mazlan dan Datin Aishah. Terkurung dalam kemewahan dirumahnya telah membuatkan Azrul menjadi seorang yang pendiam dan ini telah mengakibatkan Azrul jatuh sakit. Dia telah dimasukkan ke rumah sakit pada masa kedua ibu bapanya berada di luar negara atas alasan tugas. Sekembalinya mereka dari luar negara mereka telah diberitahu bahawa para doktor di hospital telah menahan Azrul kerana doktor menyaki Azrul telah didera secara mental.

Nyatakan sejauhmana ibu bapa Azrul telah bersalah di bawah Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991 (Akta 468) **ATAU** di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. **(12 Markah)**

- (b) Suzy berumur 22 tahun, bekerja sebagai guru tadika dari jam 8 pagi sehingga 12 tengahari. Di sebelah malam, Suzy suka berjalan-jalan dan mencari kenalan-kenalan baru yang sering dipelawa ke rumahnya dan Suzy akan melayan kenalan-kenalannya dengan cukup memuaskan. Suzy sering mendapat ganjaran yang hebat atas layanan-layanan yang diberikan olehnya.

Anda diminta mengulas sama ada perbuatan Suzy ini bersalahan di bawah Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 (Akta 106)

(13 Markah)

'Selamat Menjawab'